



Persepsi Orang yang Disyaki (OYDS) Melakukan Kesalahan Syariah Terhadap Pelaksanaan Program Pemulihan di Melaka Berdasarkan Konsep *Tazkiyah Al-Nafs*

(Perception of Persons Suspected (OYDS) of Committing Syariah Offences Towards The Implementation of Rehabilitation Programmes in Malacca Based on The Concept of *Tazkiyah Al-Nafs*)

Mohd Arif Ariffin Abu Bakar^{1*}✉, Azhar Abdul Aziz²✉, Rafeah Saidon¹✉

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

²Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Dengkil 43800, Selangor Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 12 April 2025

Accepted 25 May 2025

Published 17 October 2025

Keywords:

persons suspected

rehabilitation

syariah offenses

the concept of *tazkiyah al-nafs*

Katakunci:

kesalahan syariah

konsep *tazkiyah al-nafs*

orang yang disyaki

pemulihan

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i2.9>

ABSTRACT

The rehabilitation process for People Suspected (OYDS) of committing syariah offences requires a continuous and systematic approach to ensure positive behavioural change and prevent the recurrence of offences. One effective approach is through the concept of *tazkiyah al-nafs*, which refers to cleansing the soul from negative traits through spiritual practices such as prayer, *dhikr*, *muhasabah*, and reflection on the Quran. This study explores the perceptions of OYDS towards the implementation of a rehabilitation programme in Melaka based on the concept of *tazkiyah al-nafs*. It applies both qualitative and quantitative methods through questionnaires, interviews, and document analysis, supported by previous studies such as theses, articles, and journals. The findings show that the Enforcement Division of the Malacca Islamic Religious Department (JAIM) has implemented a rehabilitation programme for OYDS, namely the Islamic Awareness and Appreciation Course. Questionnaire results indicate that participants viewed the programme positively, aligning with the principles of *tazkiyah al-nafs*: cleansing the soul according to Islamic teachings (mean = 3.55), shaping themselves into true Muslims as required by syariah (mean = 3.64), and developing strong identity and good morals (mean = 3.73). Interviews with JAIM Religious Enforcement Officers reveal that comprehensive Islamic rehabilitation can bring positive changes to OYDS through religious guidance, community service that builds skills and discipline, and various spiritual activities such as *muhasabah*, motivational sessions, worship camps, talks, and *dhikr*. Therefore, this study recommends further improvements to strengthen rehabilitation programmes and support the personal and moral development of OYDS in line with Islamic principles.

^{1*} Corresponding author. E-mail address: 2019840112@sudent.uitm.edu.my

ABSTRAK

Proses pemulihan terhadap Orang Yang Disyaki (OYDS) melakukan kesalahan Syariah memerlukan pendekatan yang berterusan dan sistematik bagi memastikan perubahan tingkah laku yang positif serta mengelakkan pengulangan kesalahan. Salah satu pendekatan yang berkesan ialah melalui konsep *tazkiyah al-nafs*, iaitu proses membersihkan jiwa daripada sifat negatif melalui amalan kerohanian seperti solat, zikir, muhasabah dan tadabbur al-Quran. Kajian ini meneliti persepsi OYDS terhadap pelaksanaan program pemulihan di Melaka yang berasaskan konsep *tazkiyah al-nafs*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui soal selidik, temu bual dan analisis dokumen, disokong oleh kajian lepas seperti tesis, artikel dan jurnal. Hasil kajian menunjukkan bahawa Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah melaksanakan program pemulihan untuk OYDS iaitu Kursus Kesedaran dan Penghayatan Islam. Dapatan soal selidik mendapati peserta mempunyai pandangan positif terhadap program tersebut. Antara persepsi mereka termasuklah pembersihan jiwa mengikut ajaran Islam (min = 3.55), pembentukan diri sebagai Muslim sejati seperti yang dituntut oleh syariah (min = 3.64) dan pembinaan jati diri serta akhlak yang baik (min = 3.73). Hasil temu bual dengan pegawai penguat kuasa JAIM pula menunjukkan bahawa pemulihan menyeluruh berasaskan Islam mampu memberi kesan positif kepada OYDS. Antara pendekatan yang dicadangkan ialah bimbingan agama, khidmat masyarakat bagi meningkatkan kemahiran dan disiplin, serta pelaksanaan aktiviti kerohanian seperti muhasabah, motivasi, kem ibadah, ceramah dan zikir. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penambahbaikan terhadap beberapa aspek penting bagi memperkukuh program pemulihan dan membantu pembentukan peribadi serta akhlak OYDS selaras dengan prinsip Islam.

PENDAHULUAN

Jenayah dalam Islam merupakan bentuk kesalahan menurut syariah yang boleh dihukum berpandukan hukum Allah sama ada qisas, hudud atau takzir (Yusof, 2015). Di Malaysia, terdapat kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam enakmen, ordinan atau akta kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Kesalahan-kesalahan syariah tersebut kebanyakannya merupakan kesalahan berbentuk hukuman takzir, iaitu hukuman yang ditentukan oleh pemerintah atau hakim untuk memberi pengajaran, pemulihan dan peringatan yang menakutkan (Ibakarim & Muhamad, 2017; Jamal & Hashim, 2017; Muhajirin, 2019). Bagi kesalahan yang berkaitan dengan jenayah syariah di Negeri Melaka, peruntukan adalah di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Enakmen ini menyenaraikan pelbagai kesalahan seperti kesalahan yang berhubung dengan akhlak, seks, amalan agama, kesejahteraan orang lain, pentadbiran hukum-hukum Islam, bersubahat dan lain-lain yang telah diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Sehubungan itu, dalam melaksanakan penguatkuasaan yang melibatkan kes-kes jenayah syariah adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA). Menurut Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002, kuasa-kuasa penguatkuasaan yang telah diberikan kepada PPA Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dikategorikan kepada kuasa penguatkuasaan kesalahan boleh tangkap dan kuasa penguatkuasaan kesalahan tidak boleh tangkap. Bagi kesalahan boleh tangkap, kebiasaannya tindakan PPA JAIM ialah membawa Orang yang Disyaki (OYDS) melakukan kesalahan syariah ke Bahagian Penguatkuasaan JAIM untuk siasatan selanjutnya dan diberikan jaminan

pelepasan sama ada oleh Ketua PPA JAIM atau Mahkamah. Manakala bagi kesalahan tidak boleh tangkap, kebiasaannya tindakan PPA JAIM ialah memberi surat perintah hadir kepada OYDS untuk memberi keterangan dan menjalani siasatan selanjutnya di Bahagian Penguatkuasaan JAIM pada tarikh dan masa yang ditetapkan (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002).

OYDS bermaksud seseorang yang disyaki melakukan sesuatu kesalahan syariah tetapi belum dituduh atau dibicarakan atas kesalahan tersebut di Mahkamah. Walaupun belum dituduh, OYDS boleh ditahan oleh PPA untuk menjalankan siasatan terhadap kesalahan syariah yang disyaki dilakukan (Seksyen 57 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002).

Menurut statistik kes kesalahan syariah di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 (JAIM, 2024a), Bahagian Penguatkuasaan JAIM bagi tahun 2015 hingga 2019, terdapat 10 jenayah syariah yang berlaku yang menunjukkan keseriusan gejala sosial di negeri tersebut. Ini melibatkan kesalahan di bawah seksyen berikut:

1. Seksyen 49 (Menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan),
2. Seksyen 50 (Minuman yang memabukkan),
3. Seksyen 53 (Bersekediaman),
4. Seksyen 54 (Hamil/melahirkan anak luar nikah),
5. Seksyen 55 (Subahat persetubuhan haram),
6. Seksyen 71 (Perbuatan tidak sopan),
7. Seksyen 72 (Lelaki berlagak seperti perempuan),
8. Seksyen 75 (Melacurkan diri),
9. Seksyen 81 (Berjudi),
10. Seksyen 89 (Pungutan yang tidak sah).

Pemulihan terhadap OYDS merupakan salah satu daripada kaedah yang dapat memberi kesan yang baik dan membentuk diri serta jiwa OYDS ke arah kebaikan sehingga memberi kesedaran kepada mereka terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Ini kerana jiwa merupakan sesuatu yang ada dalam diri manusia yang boleh mengundang kepada sesuatu perbuatan maksiat atau tidak bermoral dan juga kepada kebaikan. Jiwa juga mempunyai pelbagai sifat kemanusiaan dan berpengaruh kepada perilaku manusia seperti berpengaruh dalam memupuk perjalanan iman dan Islam seseorang Muslim. Justeru, jiwa adalah kewujudan paling dalam yang selalu memerlukan penggunaan rohani untuk mengembangkan pertumbuhan yang sihat dan berdikari (Rahman & Badaruddin, 2017; Zaini & Sa'ari, 2016; Fathuddin, 2016).

Proses pemulihan terhadap OYDS yang melakukan kesalahan syariah memerlukan satu jangka masa yang berterusan. Sehubungan itu, antara konsep pembangunan atau pembinaan peribadi OYDS adalah dengan kaedah pemulihan melalui tazkiyah al-nafs iaitu pembersihan jiwa. Ia perlu berfungsi dengan baik berlandaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Selain itu, pelaksanaannya juga perlu bertepatan dengan tuntutan syarak berpandukan al-Quran dan al-Sunnah supaya mendapat kebaikan di dunia dan akhirat. Dari segi fizikal, untuk kekuatan tubuh badan dan mental diperlukan penerapan dengan elemen-elemen ilmu, kemahiran dan kerohanian yang sempurna bertepatan dengan syariat Islam supaya dapat memberi implikasi yang baik dalam peribadi OYDS seperti sentiasa menyedari dirinya sebagai hamba Allah dan bertindak dengan keimanan kepada Allah serta segala amalan dan perbuatannya adalah untuk kebajikan dan kemanfaatan semua masyarakat (Rahman & Badaruddin, 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik bagi mengumpul dan menganalisis data soal selidik yang dijalankan terhadap OYDS di Negeri Melaka. Manakala kajian kualitatif pula menggunakan kaedah temu bual, analisis kandungan dan pengumpulan data melalui analisis dokumen. Dalam soal selidik, satu set borang soal selidik telah dibentuk menggunakan ukuran skala Likert (1, 2, 3, 4, 5) iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju yang bertujuan untuk mendapatkan

pandangan OYDS di Negeri Melaka tentang kaedah pemulihan dalam penguatkuasaan jenayah syariah dan kepentingan kaedah pemulihan ke atas diri mereka.

Dalam kajian ini, temu bual telah dijalankan dengan PPA JAIM. Temu bual ini memberi tumpuan kepada pandangan mereka berkaitan dengan kaedah pemulihan yang komprehensif dalam Islam kepada OYDS yang melakukan kesalahan syariah di Negeri Melaka. Maklumat-maklumat yang diterima daripada PPA JAIM dapat dijadikan data untuk dimasukkan ke dalam kajian ini. Selain itu, maklumat-maklumat tersebut juga dijadikan panduan dalam membuat penambahbaikan terhadap program pemulihan OYDS sedia ada di Bahagian Penguatkuasaan JAIM.

Dalam menjalankan kajian ini, penulis juga menggunakan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak dan juga bahan-bahan elektronik seperti al-Quran dan Hadis Nabi SAW, kitab-kitab fiqh yang muktabar, buku-buku rujukan yang berkaitan dengan pendekatan tazkiyah al-nafs dalam konsep pemulihan sebagai sumber sekunder. Manakala sumber-sumber daripada akta-akta atau enakmen-enakmen berkaitan kesalahan syariah juga digunakan sebagai sumber sekunder. Ini bagi mendapatkan lebih banyak maklumat dan juga maklumat-maklumat tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan input dalam kajian ini. Ia juga berfungsi sebagai data sokongan atau tambahan yang membolehkan penyelidik menyokong dan menambahkan bukti serta mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada soal selidik, temu bual dan bukti dokumen. Selain daripada itu, rujukan-rujukan bercetak yang diperoleh daripada Bahagian Penguatkuasaan JAIM juga dijadikan sampel kajian oleh penulis sebagai sumber rujukan dalam membina kajian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tazkiyah Al-Nafs

Tazkiyah al-nafs merupakan proses dalam usaha membersihkan diri, hati dan jiwa manusia daripada sifat-sifat keji. *Tazkiyah* boleh membawa maksud pertambahan, perkembangan, pembentukan, baik pulih, pembersihan dan penyucian. Menurut para sufi, *tazkiyah* bermaksud penyucian dalaman diri melalui beberapa proses untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Arifin & Hamjah, 2017; Mohamad et al., 2017).

Menurut Manzur (1990) dalam Lisan al-‘Arab, *al-nafs* merupakan roh, jasad, darah, saudara, dan nafsu. Beliau juga *menaqalkan* daripada Ibnu Abbas yang menyatakan bahawa terdapat pada setiap manusia dua *al-nafs* iaitu *nafs al-‘aql* berfungsi untuk membezakan dan *nafs al-ruh* berfungsi untuk memberi nyawa (Mohamad et al., 2017). *Al-nafs* merupakan jiwa yang berperanan untuk menggerakkan anggota badan dan boleh dididik serta dikendalikan (Mutholingah & Zain, 2021).

Firman Allah SWT:

فَالْهَمَّهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ۖ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ۝

Terjemahan: Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa;- Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Surah al-Shams, 91: 8-10

Merujuk kepada ayat di atas, jelaslah bahawa al-Quran menuntut manusia supaya menyucikan jiwa dengan amal kebajikan serta memberi amaran bahawa manusia yang mengotorkan jiwanya yang asalnya bersih dengan maksiat dan kemungkaran akan rugi di dunia dan akhirat. Oleh itu, *tazkiyah al-nafs* merupakan antara kaedah pemulihan yang boleh memberi kesan yang baik kepada jiwa seseorang

manusia. Proses ini boleh dilakukan melalui penekanan kerohanian dengan pendekatan ibadah solat fardu dan sunat, zikir, muhasabah, membaca dan tadabbur al-Quran dan sebagainya.

Selain itu, proses ini juga boleh dilakukan dengan penekanan terhadap pembinaan jati diri seseorang melalui penerapan akhlak yang baik dan juga khidmat masyarakat (Noordin & Rahman, 2017; Mohamad et al., 2017). Selain itu, menurut Al-Najati (2005), kaedah pemulihan seperti rawatan jiwa melalui iman, rawatan jiwa melalui ibadah, rawatan jiwa melalui zikir, rawatan jiwa melalui al-Quran, rawatan jiwa melalui doa dan rawatan jiwa melalui taubat merupakan antara pembentukan diri dan akhlak yang memberi pengukuhan kepada roh manusia yang berpandu dan berteraskan akidah serta tauhid kepada Allah SWT. Kaedah ini juga antara bentuk pemulihan yang merupakan pelaksanaan tarbiah Rasulullah SAW terhadap umat manusia.

Konsep Pemulihan Menurut Islam

Pemulihan dalam Islam merupakan salah satu tujuan utama dalam pelaksanaan hukuman, iaitu bagi memberi peluang kedua kepada pesalah serta memulihkan mereka agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Pemulihan juga bertujuan untuk mendidik pesalah menjadi individu yang lebih baik serta merawat penyakit jiwa mereka agar kembali kepada keadaan normal. Jika tidak dirawat, penyakit jiwa ini berisiko merebak dan memberi kesan negatif kepada masyarakat sekeliling (Muhammad, 2015). Konsep pemulihan dalam Islam hampir sama maksudnya dengan *islah*, iaitu pemulihan, pembaharuan, pembaikan atau pendamaian (Mohd Khairi Zainuddin et al., 2010). Menurut al-Zurqani (1995), terdapat beberapa bentuk pengislahan dalam Islam, antaranya ialah *islah al-'aqa'id* (islah keyakinan), iaitu membimbing manusia beriman kepada Allah SWT, para malaikat, rasul dan hari Akhirat; *islah al-'ibadah* (islah peribadatan), iaitu membimbing manusia untuk menyucikan jiwa, meluruskan keinginan, serta memberi faedah kepada orang lain; *islah al-akhlaq* (islah akhlak), iaitu membimbing manusia kepada kebaikan-kebaikan diri mereka dan menjauhkan mereka daripada perkara yang boleh membawa kepada kehinaan diri mereka; dan lain-lain lagi.

Justeru itu, Islam memberi perhatian yang besar terhadap pemulihan diri individu yang melakukan kesalahan. Proses ini bukan sahaja menyedarkan pesalah terhadap kesilapan mereka, malah menimbulkan rasa benci terhadap perbuatan maksiat dan jenayah. Matlamat hukuman dalam Islam tidak hanya terbatas kepada aspek pembalasan, tetapi juga bersifat mendidik, menyelamatkan dan memperbaiki. Dengan itu, hukuman berbentuk pemulihan bukan sahaja merawat individu, malah mampu menjamin keamanan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Muhammad, 2015; Ocktoberriyasyah, 2011; Wulan, 2018).

Metode Pemulihan Daripada Kesalahan Jenayah Syariah Berdasarkan Al-Quran

Setiap perbuatan yang dilarang oleh syariat seperti kesalahan jenayah syariah haruslah dicegah dan dihindari kerana ia boleh mendatangkan kemudaratan terhadap agama, jiwa, akal, maruah diri, harta dan sebagainya (Marsaid, 2020). Sehubungan itu, selain daripada hukuman, pemulihan juga merupakan faktor yang penting dalam jenayah syariah bagi memperbaiki diri mereka yang terlibat dengan jenayah tersebut dan membentuk masyarakat yang patuh kepada hukum syarak dan undang-undang.

Dalam al-Quran, terdapat beberapa bentuk pemulihan sama ada pemulihan itu melalui hukuman yang dikenakan kepada pesalah atau pemulihan melalui kaedah pelaksanaan hukuman yang dikuatkuasakan.

Pemulihan Melalui Penyucian Jiwa

Antara kaedah pemulihan terhadap pesalah jenayah yang dinyatakan dalam al-Quran ialah penyucian jiwa melalui taubat, iaitu memperbaiki diri selepas melakukan kesalahan. Ini dapat dilakukan dengan memohon pengampunan daripada Allah SWT. Sebagai contoh, dalam ayat berkaitan jenayah mencuri, Allah menyebut:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾
فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣٩﴾

Terjemahan: Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Maka sesiapa yang bertaubat sesudah dia melakukan kejahatan (curi) itu dan memperbaiki amal usahanya, sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Maidah, 5: 38-39

Hukuman potong tangan bagi jenayah mencuri dalam Islam adalah bagi memelihara lima kepentingan manusia iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda (Aisyah et al., 2022). Menurut Qurthubi (2006), mencuri merupakan jenayah yang kejam sehingga hukuman yang ditetapkan merupakan hukuman yang besar. Selain itu, seseorang yang melakukan jenayah mencuri harus memberikan ganti rugi dan menerima pengajaran. Dalam ayat ini, terdapat beberapa elemen berkaitan dengan kesalahan mencuri, iaitu mencuri merupakan jenayah dan tegahan syarak, memotong tangan penjenayah atau pelaku mencuri yang merupakan satu hukuman bagi kesalahan tersebut, serta hikmah hukuman tersebut sebagai pencegahan khusus dari Allah SWT. Hukuman ini juga berfungsi bagi menghalang pesalah daripada melakukan kesalahan tersebut dan menghalang orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama (Hashim et al., 2021).

Menurut Katsir (2003), menggunakan kedua belah tangan untuk mengambil harta orang lain tanpa hak (mencuri) merupakan perbuatan yang buruk. Maka, memotong tangan disebabkan pencurian yang dilakukan merupakan hukuman yang seimbang sebagai balasan siksaan dari Allah SWT. Namun, Allah SWT menerima taubat dari pesalah yang melakukan jenayah mencuri dengan kembali taat kepada Allah dan menyesal di atas jenayah yang dilakukan. Begitu juga menurut Qurthubi (2006), Allah SWT menerima taubat dari pesalah yang melakukan kesalahan mencuri, iaitu apabila mereka memperbaiki diri dengan meninggalkan dosa atau kesalahan secara keseluruhan. Ini bermaksud sekiranya seseorang meninggalkan kesalahan mencuri tetapi melakukan kesalahan yang lain seperti zina dan lain-lain, maka ia bukanlah perbuatan taubat (Qurthubi, 2006). Selain itu, menurut Imam al-Nawawi, juga proses taubat bagi jenayah mencuri hendaklah memenuhi beberapa syarat seperti meninggalkan perbuatan mencuri, menyesal atas perbuatan tersebut, tidak mengulangi perbuatan mencuri, serta memohon maaf dan mengembalikan harta yang dicuri kepada mangsa. Oleh yang demikian, Imam al-Nawawi mengambil pendekatan berdasarkan Surah al-Maidah, ayat 39 bahawa pelaku jenayah mencuri mendapat pengampunan dosa dari Allah SWT, sekiranya ia bertaubat dan memperbaiki diri dengan lebih baik (Nawawi, 2008; Aisyah et al., 2022).

Justeru, taubat antara ruang yang diberikan kepada pesalah untuk memperbaiki diri. Perubahan diri ke arah kebaikan dan ketaatan dengan taubat melalui konsep islah atau pemulihan memerlukan proses panjang dan berterusan, antaranya bermula dengan penyesalan terhadap kesalahan yang dilakukan, kemudian meninggalkan kesalahan tersebut dan berazam tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan. Ia juga memerlukan pengislahan terhadap diri bagi membentuk peribadi ke arah ketaatan kepada Allah SWT dan kembali kepada ajaran Islam. Sehubungan itu, hukuman yang dilaksanakan ke atas pesalah diiringi dengan penyesalan, taubat dan pemulihan dapat membentuk tingkah laku yang baik, mulia dan terpuji. Selain itu, ia dapat memberi peringatan dan pengajaran serta menghalang mereka daripada melakukan kesalahan (Said & Zainol, 2021).

1. Pemulihan Melalui Hukuman Yang Keras Untuk Memelihara Kesucian Agama

Islam memandang tinggi kemuliaan dan kesucian agama. Justeru, menjadi kepentingan kepada individu, masyarakat Islam dan pemerintah untuk memelihara agama dan akidah Islam, antaranya

dengan menghidupkan amalan beragama, melaksanakan tugas-tugas dakwah, penguatkuasaan dan lain-lain. Islam telah memperuntukkan undang-undang serta bentuk hukuman terhadap pesalah yang melakukan jenayah atau kesalahan bagi menjamin pemeliharaan iman, agama, akidah Islam dan sebagainya (Sulong, 2016; Azilah et al., 2018). Hukuman yang bersifat pencegahan seperti sebat dan merejam pezina sehingga mati, wajib dilaksanakan walaupun kelihatan keras pada pandangan pelbagai pihak. Islam menegaskan bahawa kekerasan hukuman ini adalah satu bentuk pencegahan jenayah dalam masyarakat. Hukuman yang disediakan di dunia ini bertujuan untuk melindungi kepentingan masyarakat yang perlu dijaga (Samuri, 2012).

Daripada Ubadah bin Al-Somit RA, Rasulullah SAW bersabda:

حُدُّوا عَنِّي حُدُودَ اللَّهِ، فَمَنْ سَبَّيَا، الْبِكْرُ بِالْبِكْرِ، جُلْدُ مِائَةٍ وَنَقْيُ سَنَةٍ، وَالنَّيْبُ بِالنَّيْبِ
جُلْدُ مِائَةٍ وَالرَّجْمُ

Terjemahan: Terimalah daripada saya (laksanakan hukumku), terimalah daripada saya. Allah telah menetapkan hukuman bagi wanita-wanita ini. Dara dan teruna akan disebat 100 kali dan dibuang negeri selama setahun. Wanita dengan lelaki yang pernah berkahwin akan disebat 100 kali dan rejam.

Riwayat Muslim: 1690

Firman Allah SWT:

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةً جَلْدَةً وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٤﴾

Terjemahan: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.

Surah al-Nur, 24:2

Menurut Katsir (2003), dalam menegakkan hukum Allah tidak boleh mempunyai rasa belas kasihan kepada pesalah zina demi menjalankan syariat Allah SWT. Belas kasihan yang dimaksudkan bukanlah sifat belas kasihan yang lahir (manusiawi) dalam melaksanakan hukuman tersebut tetapi belas kasihan yang mendorong hakim untuk membatalkan hukuman hudud, dan perkara ini tidak dibenarkan. Sayid Qutub (2003) menyatakan bahawa zina merupakan jenayah yang merosakkan fitrah pelakunya dan dengan sebab itu hukuman terhadap jenayah ini amat berat sehingga dalam melaksanakan hukuman tersebut memerlukan ketegasan dan kekerasan yang tidak memudaratkan.

Peranan hukuman dalam Islam antaranya ialah memberi kesedaran, pengajaran dan pemulihan untuk memperbaiki diri pesalah. Sehubungan itu, konsep pemulihan menepati perspektif atau prinsip maqasid al-syariah antaranya ialah memelihara kesucian agama. Dalam memelihara agama, pemulihan ini dapat membina dan mengukuhkan akidah serta keimanan pesalah kepada Allah SWT. Pendidikan dan pementapan akidah dalam diri pesalah melalui pemulihan dapat membentuk peribadi ke arah kebaikan seperti mendekati amalan-amalan yang baik, membenci dan menjauhi amalan-amalan yang buruk, kembali kepada kehidupan berlandaskan syariat Islam dengan mengenal perkara-perkara yang disukai dan dimurkai Allah, mengukuhkan pemahaman berkaitan rukun iman, Islam dan sebagainya. Oleh demikian, hal ini dapat menjadi benteng dalam diri pesalah untuk mengelakkan

sebarang unsur-unsur yang bertentangan dan boleh merosakkan kesucian agama dan akidah (Ibrahim, 2003).

2. Pemulihan Melalui Hukuman Pencegahan

Sesuatu jenis hukuman yang dilaksanakan terhadap pesalah bertujuan untuk mencegah pesalah atau mengubah dan memperbaiki sikap mereka supaya tidak mengulangi perbuatan jenayah yang dilakukan. Dalam perundangan Islam terdapat pencegahan umum dan pencegahan khusus. Pencegahan umum bertujuan untuk memelihara dan melindungi masyarakat daripada segala kezaliman yang dilakukan oleh penjenayah serta mencegah masyarakat daripada melakukan jenayah. Manakala pencegahan khusus bertujuan untuk mencegah pesalah atau penjenayah daripada mengulangi kesalahan berdasarkan hukuman yang telah dilaksanakan (Samuri, 2012). Sebagai contoh, hukuman sebatan terhadap jenayah meminum arak. Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar melaksanakan hukuman sebatan terhadap jenayah meminum arak sebanyak 40 kali sebatan. Namun, Saidina Umar melaksanakan hukuman tersebut sebanyak 80 kali sebatan sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA:

أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَلَدَ فِي الْحُمْرِ بِالْجُرِيدِ وَالْبَعَالِ ثُمَّ جَلَدَ أَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ. فَلَمَّا كَانَ عُمَرُ وَدَنَا النَّاسُ مِنَ الرَّيْفِ وَالْقَرَى قَالَ: مَا تَرَوْنَ فِي جَلْدِ الْحُمْرِ؟ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ: أَرَى أَنَّ بَعْضَهَا سَأَخَفَ الْحُدُودِ. قَالَ: فَجَلَدَ عُمَرُ ثَمَانِينَ

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi SAW melaksanakan sebatan kepada peminum arak dengan menggunakan pelepah kurma dan selipar (sebanyak 40 kali sebatan). Kemudian Khalifah Abu Bakar juga melakukan hukuman sebatan sebanyak 40 kali. Maka ketika pemerintahan khalifah Umar, terdapat ramai orang yang tinggal di pelusuk-pelusuk dan kampung-kampung dan hal ini menyebabkan saidina Umar melakukan musyawarah dengan para sahabat dan bertanya: Bagaimanakah pandangan kamu semua berkaitan hukuman sebat bagi peminum arak? Abdulrahman bin Auf menjawab: Aku mengira bahawa kamu akan menjadikannya sebagai hukuman hudud yang paling ringan. Kemudian saidina Umar melaksanakan hukuman sebatan ke atas peminum arak sebanyak 80 kali sebatan

Riwayat Muslim: 1706

Hukuman bagi kesalahan meminum arak dan amalan yang dilakukan oleh Saidina Umar dengan menambah bilangan sebatan daripada 40 kepada 80 sebatan sebagai hukuman takzir merupakan pencegahan, pendidikan serta pengajaran kepada masyarakat Islam tentang bahayanya jenayah meminum arak (Usup, 2016; Suryantoro & Rofiq, 2021).

3. Pemulihan Melalui Denda

Hukuman denda boleh memberi pengajaran, pemulihan dan peringatan kepada pesalah. Dalam istilah Arab, denda disebut sebagai *al-gharamah*. Hukuman denda boleh dijatuhkan sama ada sebagai hukuman utama atau hukuman tambahan bagi sesuatu kesalahan. Ia merupakan salah satu bentuk hukuman takzir, iaitu hukuman yang ditentukan oleh pemerintah atau hakim bagi tujuan memberi pengajaran, pemulihan dan peringatan yang menakutkan. Hukuman ini juga berbentuk bayaran sejumlah wang yang ditetapkan oleh hakim ke atas pesalah berdasarkan kesalahan yang dilakukan (Ibakarim & Muhamad, 2017; Jamal & Hashim, 2017; Muhajirin, 2019).

Hadis daripada Bahaz bin Hakim dari ayah dan datuknya, beliau berkata; “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

فِي كُلِّ إِبِلٍ سَائِمَةٍ. فِي كُلِّ أَرْبَعِينَ: ابْنَةُ لَبُونٍ، لَا يُفَرَّقُ إِبِلٌ عَنْ حِسَابِهَا، مَنْ أَعْطَاهَا مُؤَيَّرًا فَلَهُ أَجْرُهَا وَمَنْ أَتَى فَإِنَّا أَخَذُوهَا وَشَطَرُ مَالِهِ، عَزْمَةٌ مِنْ عَزَمَاتِ رَبِّنَا، لَا يَحِلُّ لَأَلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْهَا شَيْءٌ

Terjemahan: Bagi setiap 40 ekor unta yang mencari makanan sendiri, zakatnya adalah seekor unta betina yang berumur 2 tahun masuk tiga tahun, janganlah unta tersebut dipisahkan tentang hisabnya. Sesiapa patuh atau taat dalam menunaikan zakat untanya maka ia akan mendapat balasannya, dan sesiapa yang enggan membayarnya, maka Aku akan mengambilnya, dan mengambil sebahagian daripada hartanya sebagai denda dan sebagai hukuman dari Tuhan kami, tidak halal bagi keluarga. Muhammad SAW sesuatu daripada zakat

Riwayat Nasa'i: 2443

Memulihkan pesalah melalui denda dan menyekat hak individu ini dapat juga dilihat dalam hukuman *qazaf* (fitnah) iaitu menuduh perempuan yang baik melakukan zina. Pesalah dikenakan hukuman sebatan sebanyak 80 kali rotan dan dia tidak diterima sebagai saksi selama-lamanya kecuali setelah dia bertaubat (melalui proses *tazkiyah*) dan memperbaiki diri. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ① إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ②

Terjemahan”Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik. Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani

Surah al-Nur, 24:4-5

Menurut Katsir (2003), seseorang yang menuduh perempuan yang baik melakukan zina tanpa mengemukakan bukti-bukti yang membenarkan tuduhan tersebut dikenakan tiga hukuman, iaitu disebat sebanyak 80 kali, ditolak penyaksiannya selama-lamanya dan dihukum sebagai fasik, iaitu tidak baik di sisi Allah dan pandangan manusia. Hal ini juga sebagaimana dinyatakan oleh Al-Maraghi (1946) dalam tafsirnya bahawa seseorang yang menuduh perempuan yang baik melakukan zina tanpa mengemukakan empat orang saksi yang adil sebagai bukti tuduhan tersebut, maka dihukum dengan 80 kali sebatan.

Selain itu, ia juga dihukum fasik kerana telah keluar daripada ketaatan kepada Allah dan melakukan dosa besar akibat tuduhan zina yang dilemparkan. Namun begitu sekiranya pesalah atau pelaku qazaf tersebut bertaubat, terdapat perbezaan pendapat ulama berhubung penerimaan penyaksian pesalah qazaf tersebut. Menurut pandangan Imam Malik, Shafi'i, Ahmad, Laits, Atha', Sufian bin Uyainah, Sya'bi, Qasim, Salim dan Zuhri, apabila pesalah atau pelaku qazaf telah bertaubat dengan taubat nasuha, maka diterima penyaksiannya dan gugur hukum fasik terhadap dirinya. Manakala pandangan daripada mazhab Hanafi, Auza'i, Tsauri, Hasan, Said bin Musayyab, Syuraih, Ibrahim al-Nakha'i, dan Sa'id bin Jubair, penyaksian pesalah atau pelaku qazaf tidak diterima selama-lamanya walaupun dia telah bertaubat. Namun begitu, hukum fasik ke atasnya tetap gugur (Sabiq, 1999; Katsir, 2003; Jannata, 2019; Erwan, 2020).

Larangan dan pengharaman Islam terhadap perbuatan jenayah qazaf adalah untuk memelihara kehormatan, kedudukan dan kemuliaan manusia. Dengan adanya hukuman terhadap jenayah qazaf, maka ia merupakan pencegahan bagi individu dan masyarakat Muslim khususnya untuk memelihara lisan daripada perbuatan-perbuatan keji yang boleh menyakiti dan mencemarkan kehormatan orang lain.

Justeru, Islam membenarkan pelaksanaan apa-apa sahaja bentuk hukuman bagi kesalahan atau jenayah takzir dengan syarat hukuman tersebut mestilah sesuai dengan falsafah hukuman dalam Islam dan mencapai matlamat hukuman yang dikehendaki syarak supaya dapat menghindari berlakunya jenayah, memberi pengajaran kepada pesalah dan memelihara kepentingan umum. Sehubungan itu dalam pelaksanaan hukuman denda, pemerintah, hakim atau badan perundangan sesebuah negara perlulah sentiasa berusaha supaya hukuman yang dilaksanakan dapat memberi pengajaran dan menghindarkan pesalah daripada mengulangi kesalahan yang sama (Jamal & Hashim, 2017; Muhajirin, 2019).

4. Program Pemulihan Terhadap OYDS di Bahagian Penguatkuasaan JAIM

Bahagian Penguatkuasaan JAIM secara keseluruhannya mempunyai empat unit yang diletakkan di bawah pengurusannya, iaitu Unit Pentadbiran, Unit Operasi, Unit Siasatan dan Unit Pencegahan. Setiap unit tersebut mempunyai fungsi, tanggungjawab atau tugas yang berbeza.

Unit Pentadbiran bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran dan perlaksanaan fungsi Bahagian Penguatkuasaan JAIM. Unit Operasi pula bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan kesalahan syariah seperti menjalankan risikan, operasi, waran tangkap dan lain-lain lagi. Unit Siasatan bertanggungjawab terhadap perlaksanaan prosedur pengendalian siasatan, prosedur pengurusan orang kena tahan di lokap dan perkara-perkara berkaitan. Unit Pencegahan pula bertanggungjawab melaksanakan prosedur rondaan dan pencegahan jenayah syariah, termasuk pengurusan aktiviti pencegahan serta program-program berkaitan.

Justeru, pelaksanaan program pencegahan diletakkan di bawah fungsi dan tanggungjawab Unit Pencegahan Bahagian Penguatkuasaan JAIM, termasuk program yang melibatkan OYDS. Menurut Laporan Program Unit Pencegahan JAIM (2024b), program yang disediakan kepada OYDS di Negeri Melaka merupakan kursus kesedaran dan penghayatan Islam. Kursus ini diadakan sebulan sekali dalam tempoh setengah hari, dan bertujuan untuk memberikan kesedaran serta membantu memperbaiki diri OYDS yang terlibat. Ia juga memberi pendedahan berkaitan Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka dan prosedur pengurusan perbicaraan di Mahkamah Syariah. Jadual 1 menunjukkan pengisian kandungan kursus kesedaran bagi OYDS di Negeri Melaka:

Jadual 1: Kursus Kesedaran Dan Penghayatan Islam, Bahagian Penguatkuasaan JAIM

Sub Aktiviti	Kandungan	Pengisian
Ceramah Motivasi Agama	1. Fiqh Ibadah 2. Akhlak 3. Tauhid	1. Penguasaan Ilmu 2. Pelaksanaan Ibadah 3. Bimbingan: Penyerapan Nilai-nilai Islam berpandukan al-Quran dan al-Sunnah
Ceramah/Taklimat Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 (EKSNM 1991)	1. Kesalahan-kesalahan syariah negeri Melaka 2. Tatacara perbicaraan di Mahkamah Syariah Melaka	Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Sumber: Jabatan Agama Islam Melaka (2024)

Berdasarkan Jadual 1, terdapat dua aktiviti utama yang dilaksanakan dalam kursus tersebut, iaitu ceramah motivasi dan ceramah atau taklimat berkaitan Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Ceramah motivasi bertujuan memberikan pengetahuan agama, kefahaman, bimbingan, dorongan dan kesedaran kepada OYDS tentang kepentingan menjalani kehidupan berlandaskan syariat Islam. Penerapan elemen ibadah, akhlak dan tauhid dalam ceramah ini dapat menanam kesedaran dalam diri peserta untuk berpegang teguh kepada norma dan moral yang luhur, menghayati nilai-nilai Islam berpandukan al-Quran dan al-Sunnah, melaksanakan segala perintah Allah serta meninggalkan larangan-Nya, dan seterusnya membentuk diri yang kukuh di landasan keimanan (Aerisuli Awang, 2011; Alnida Azty et al., 2018).

Sementara itu, ceramah atau taklimat berkaitan Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 bertujuan memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada OYDS mengenai kesalahan-kesalahan syariah serta hukuman yang diperuntukkan di bawah enakmen tersebut. Selain itu, aktiviti ini juga

memberi pendedahan tentang prosedur perbicaraan di Mahkamah Syariah, termasuk aspek etika berpakaian, adab semasa berada di mahkamah dan dewan perbicaraan, serta tatacara percakapan di hadapan hakim dan pegawai mahkamah (JAIM, 2024).

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan ke atas sebelas (11) orang responden yang terdiri daripada OYDS yang telah ditahan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM. Hasil kajian yang dijalankan terhadap Kursus Kesedaran dan Penghayatan Islam yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM menumpukan kepada tiga (3) aspek, iaitu tahap kefahaman responden tentang kaedah pemulihan terhadap OYDS, analisis terhadap program atau aktiviti yang disediakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM dan tahap pelaksanaan program atau aktiviti yang disediakan.

1. Tahap Kefahaman Tentang Kaedah Pemulihan Terhadap OYDS

Jadual 2 di bawah, menunjukkan bahawa kaedah pemulihan dapat mendidik diri OYDS untuk memanfaatkan masa dengan lebih baik dan bekerja secara lebih sistematik, iaitu persetujuan responden yang paling tinggi dengan min 3.73. Seterusnya, kaedah pemulihan juga merupakan peluang yang diberikan kepada OYDS untuk memperbaiki diri serta membentuk akhlak dan jati diri mereka, dengan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.64. Ini diikuti dengan OYDS yang bersetuju bahawa kaedah pemulihan yang diwujudkan penting bagi membolehkan mereka membentuk peribadi dan kehidupan sebagai Muslim sejati sepertimana yang dikehendaki oleh syariat, iaitu dengan min 3.64, dan bahawa kaedah pemulihan dapat mendidik mereka untuk saling bekerjasama, juga dengan min 3.64. Selain itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kaedah pemulihan yang berkesan adalah berasaskan konsep pembersihan jiwa atau diri berlandaskan syariat Islam dengan min 3.55. Ini juga diikuti dengan persetujuan OYDS bahawa kaedah ini dapat membantu mereka mencari punca masalah yang dihadapi dan seterusnya menyelesaikan permasalahan tersebut, iaitu dengan min 3.55.

Jadual 2: Tahap Kefahaman Tentang Kaedah Pemulihan Terhadap OYDS

Kefahaman Tentang Pemulihan Terhadap OYDS	N	Min	Sisihan Piawai
Memperbaiki diri, membentuk akhlak dan jati diri	11	3.64	1.120
Berpandukan konsep pembersihan jiwa atau diri berlandaskan syariat Islam	11	3.55	1.128
Membentuk peribadi dan kehidupan	11	3.64	1.120
Dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku	11	3.55	1.128
Mewujudkan sikap bekerjasama	11	3.64	1.120
Memanfaat masa dengan lebih baik dan kerja secara lebih sistematik	11	3.73	1.104

Sumber: Penulis (2025)

Analisis ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pemahaman bahawa kaedah pemulihan memberikan kesan yang positif terhadap kesejahteraan rohani dan jasmani mereka.

2. Analisis Terhadap Program Atau Aktiviti Yang Disediakan Oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM

Jadual 3 menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti dalam program yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM terhadap OYDS dirancang dengan baik dan memberi kesan yang positif, dengan persetujuan tertinggi daripada responden iaitu min 3.82. Selain itu, OYDS juga bersetuju bahawa program yang disediakan menarik minat mereka untuk menyertai aktiviti tersebut, dengan min kedua tertinggi iaitu 3.73. Dapatan ini turut menunjukkan bahawa OYDS bersetuju program tersebut dapat memberikan implikasi positif terhadap diri mereka, termasuk membantu mengatasi permasalahan dalaman dengan min 3.73, membina jati diri serta akhlak yang baik dengan min 3.73, dan memberikan kesedaran serta pemulihan diri dengan min 3.73. Walau bagaimanapun, tahap

persetujuan OYDS agak rendah sedikit dalam aspek masa, tempat dan persekitaran program yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM, dengan min 3.64.

Jadual 3: Analisis Terhadap Program Atau Aktiviti Yang Disediakan Oleh JAIM

Program Atau Aktiviti Yang Disediakan Oleh JAIM	N	Min	Sisihan Piawai
Dapat menarik minat peserta	11	3.73	1.104
Masa, tempat dan persekitaran program amat memuaskan	11	3.64	1.027
Aktiviti-aktiviti program mempunyai perancangan yang rapi dan memberi kesan yang baik	11	3.82	1.168
Membantu mengatasi permasalahan yang berlaku dalam diri	11	3.73	1.104
Membina jati diri dan akhlak yang baik	11	3.73	1.104
Memberikan kesedaran dan pemulihan dalam diri	11	3.73	1.104

Sumber: Penulis (2025)

3. Tahap Perjalanan Program Atau Aktiviti Yang Disediakan

Jadual 4 menunjukkan bahawa tenaga pengajar atau pengendali program perlu mempunyai kemahiran yang baik dalam mengendalikan program yang dijalankan, dengan persetujuan tertinggi daripada OYDS iaitu min 3.55. Dapatan ini juga diikuti dengan persetujuan OYDS bahawa maklumat atau pengisian yang disampaikan dalam aktiviti atau program oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM dapat difahami dengan jelas dengan min 3.55. Selain itu, responden turut bersetuju bahawa pengendali program perlu membantu mereka dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan min 3.45. Begitu juga, kelengkapan peralatan yang digunakan dalam program dianggap penting bagi melancarkan pelaksanaan aktiviti, dengan min yang sama iaitu 3.45. Walau bagaimanapun, tahap persetujuan OYDS agak rendah dalam aspek keperluan untuk Bahagian Penguatkuasaan JAIM menambah aktiviti atau program baharu, dengan min 3.00.

Jadual 4: Tahap Perjalanan Program Atau Aktiviti Yang Disediakan Oleh JAIM

Perjalanan Program Atau Aktiviti Yang Disediakan Oleh JAIM	N	Min	Sisihan Piawai
Perlu membuat penambahan aktiviti atau program.	11	3.00	1.183
Tenaga pengajar atau pengendali program perlu mempunyai kemahiran yang tinggi	11	3.55	1.440
Kakitangan atau pengendali program sangat membantu peserta	11	3.45	1.368
Kelengkapan peralatan amat penting bagi melancarkan aktiviti/program	11	3.45	1.368
Maklumat/pengisian dapat difahami dengan tepat	11	3.55	1.440

Sumber: Penulis (2025)

Oleh yang demikian, kursus kesedaran dan penghayatan Islam ini boleh dikategorikan sebagai konsep pemulihan yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM terhadap OYDS di Negeri Melaka. Walaupun terdapat program pemulihan ini telah dijalankan, masih terdapat OYDS yang berulang melakukan kesalahan syariah di negeri ini. Hal ini dibuktikan melalui Senarai Daftar Pesalah Syariah Negeri Melaka (JAIM, 2024c), yang menunjukkan sebahagian pesalah terus mengulangi kesalahan walaupun telah dikenakan tindakan dan hukuman. Jadual 5 menunjukkan senarai pesalah syariah di Negeri Melaka bagi tahun 2015 hingga 2019.

Jadual 5: Kesalahan Berulang Pesalah Syariah Bagi Tahun 2015 Hingga 2019

Tahun	Jumlah Pesalah Berulang	Jumlah Kesalahan Berulang Menurut Seksyen									
		Sek 49	Sek 50	Sek 53	Sek 54	Sek 55	Sek 71	Sek 72	Sek 75	Sek 81	Sek 89
2015	16	-	2	14	2	-	3	2	5	3	2
2016	31	2	-	22	2	2	8	-	4	8	15
2017	12	-	-	16	4	3	2	-	-	-	4
2018	5	-	-	2	4	-	-	-	-	2	2
2019	4	-	-	4	-	-	-	-	-	-	4
	Jumlah	2	2	58	12	5	13	2	9	13	27

Sumber: JAIM (2024)

Jadual 5 memaparkan jumlah pesalah syariah yang paling ramai berulang melakukan kesalahan ialah pada tahun 2016, iaitu seramai 31 orang. Pada tahun 2015, terdapat 16 orang yang berulang melakukan kesalahan syariah, pada tahun 2017, 12 orang, pada tahun 2018, 5 orang, dan pada tahun 2019, 4 orang. Kesalahan-kesalahan berulang yang paling banyak dilakukan oleh pesalah syariah dari tahun 2015 hingga 2019 ialah di bawah Seksyen 53 (bersekediaman/berkhalwat) iaitu 58 kali, kemudian diikuti oleh kesalahan di bawah Seksyen 89 (pungutan tidak sah) iaitu 27 kali dan kesalahan di bawah Seksyen 54 (hamil atau melahirkan anak luar nikah) dan Seksyen 81 (berjudi) iaitu 13 kali. Kesalahan yang paling rendah pula adalah di bawah Seksyen 75 (melacurkan diri) iaitu 9 kali, Seksyen 55 (subahat persetubuhan haram) iaitu 5 kali dan masing-masing 2 kali di bawah Seksyen 49 (menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan), Seksyen 50 (minuman yang memabukkan) dan Seksyen 72 (lelaki berlagak seperti perempuan).

Menurut Senarai Daftar Pesalah Syariah Negeri Melaka, kesemua pesalah-pesalah tersebut kebanyakannya dijatuhkan hukuman denda dan penjara oleh Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Namun begitu, terdapat juga kes yang telah dijatuhkan hukuman berkelakuan baik terhadap pesalah-pesalah syariah, iaitu pada tahun 2015 terdapat 5 kes dan pada tahun 2016 terdapat 2 kes. Kes-kes tersebut melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 53, 54 dan 55 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Kebanyakan kes-kes tersebut juga melibatkan pesalah muda yang berumur antara 14 tahun hingga 20 tahun. Namun, tidak banyak pelaksanaan hukuman pemulihan terhadap pesalah syariah seperti berkelakuan baik yang dilaksanakan di Negeri Melaka (JAIM, 2024c).

4. Keperluan Kaedah Pemulihan Yang Komprehensif Dalam Islam Terhadap OYDS Di Negeri Melaka

Kaedah pemulihan yang komprehensif dalam Islam merupakan satu bentuk pemulihan yang dapat memberikan kesan yang lebih baik kepada OYDS, antaranya ialah dapat membentuk peribadi yang baik dalam diri mereka dan memberikan kesedaran supaya mereka tidak mengulangi kesalahan. Oleh yang demikian, kaedah pemulihan ini dilaksanakan melalui metode pemulihan yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah seperti *tazkiyah al-nafs* (pembersihan jiwa atau rohani). Pembersihan jiwa atau rohani ini merangkumi kaedah bimbingan, muhasabah, khidmat masyarakat dan lain-lain lagi. Firman Allah SWT:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ۖ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ۚ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ۖ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ۚ

Terjemahan: Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa; Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang

menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Surah al-Shams, 91: 7-10

Selain itu, menurut Hawwa (1995), pembersihan hati dan jiwa dapat dicapai melalui amal perbuatan atau ibadah tertentu seperti solat, zikir, puasa, haji, bersedekah, muhasabah, membaca al-Quran, mengingati mati dan sebagainya. Apabila ibadah ini dilakukan dengan sempurna, ia memberi implikasi yang baik kepada seluruh anggota tubuh manusia seperti lisan, mata, telinga dan lain-lain. Selain itu, ia juga mempengaruhi adab dan muamalah seseorang terhadap Allah dan sesama manusia, melahirkan sifat *mahmudah* serta menjauhkan diri daripada sifat *mazmumah* (Mohamad et al., 2017; Hawwa, 1995).

Hasil temu bual yang dijalankan terhadap lima orang PPA JAIM menunjukkan bahawa konsep atau bentuk pemulihan yang komprehensif menurut perspektif Islam perlu dilaksanakan kerana ia diyakini dapat memberikan kesan positif kepada OYDS. Pandangan yang dikemukakan oleh para PPA JAIM berkaitan bentuk pemulihan yang komprehensif adalah seperti berikut:

“Pada pandangan saya, konsep pemulihan yang komprehensif dalam Islam selain daripada pembersihan jiwa melalui kerohanian, khidmat masyarakat antara konsep pemulihan yang boleh dilaksanakan bagi memberi kemahiran dan kesedaran dan disamping itu boleh mengisikan masa dengan perkara yang berfaedah”

(Informan 1)

“Konsep pemulihan yang komprehensif dalam Islam perlu kepada pengisian kepada pendekatan agama, muhasabah, motivasi, kem ibadah dan amalan-amalan menyucikan jiwa seperti zikir dan lain-lain”

(Informan 2)

“Bagi saya, pemulihan yang komprehensif dalam Islam seperti ceramah, komunikasi yang berkesan seperti kaunseling dua hala, halaqah, zikir dan lain-lain lagi. Selain itu, mendekati OYDS dengan cara membantu kehidupan mereka seperti memberi panduan dalam menyelesaikan permasalahan mereka, Perlu juga kepada bimbingan dan penghayatan agama diberikan kepada OYDS supaya mereka kembali kepada fitrah Agama yang sebenar atau kepada al-Quran dan Sunnah”

(Informan 3)

“Dalam al-Quran ada menyatakan tentang sentiasa memberi peringatan, jadi antara pemulihan yang komprehensif dalam Islam ialah memberi peringatan, membuat program ceramah seperti ceramah bulanan, program di Masjid-masjid seperti gotong-royong yang dikatakan juga sebagai khidmat masyarakat”

(Informan 4)

“Pemulihan yang komprehensif dalam Islam, dengan cara mendalami agama Islam seperti pengajian agama, aktiviti-aktiviti kerohanian seperti program zikir munajat dan lain-lain. Dan juga khidmat masyarakat yang boleh mengisikan masa dengan perkara-perkara yang bermanfaat. Dan semua ini boleh menghindarkan diri daripada kesalahan-kesalahan atau gejala maksiat”

(Informan 5)

Kesimpulan daripada maklumat temu bual bersama PPA JAIM menunjukkan bahawa pelaksanaan pemulihan yang komprehensif berasaskan Islam amat diperlukan kerana ia mampu memberikan kesan positif kepada OYDS. Antara pendekatan yang disarankan termasuklah bimbingan dan penghayatan agama, penglibatan dalam khidmat masyarakat bagi membina kemahiran serta mengisi masa dengan aktiviti bermanfaat, dan penganjuran program kerohanian seperti muhasabah diri, ceramah motivasi, kem ibadah dan zikir.

Sehubungan itu, dicadangkan kaedah pemulihan komprehensif berasaskan Islam bagi OYDS di Negeri Melaka seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Kaedah Pemulihan Yang Komprehensif Dalam Islam Terhadap OYDS

Program	Aktiviti	Kandungan/Pengisian	Objektif Pemulihan
Kelas Bimbingan	a) Fiqh Ibadah b) Akhlak c) Tauhid d) al-Quran	Penguasaan Ilmu Agama Metode: Teori dan Amali	Pemulihan Islah -Membaiki jiwa dan membentuk peribadi OYDS
Kem Muhasabah	a) Halaqah b) Solat Fardhu Berjemaah c) Tazkirah d) Qiyamulail e) Zikir	a) Peningkatan Perubahan Diri Metode: -Berkumpulan -Perbincangan b) Pelaksanaan Ibadah	Pemulihan Kesucian Agama -Supaya OYDS tidak melanggar perintah Allah SWT
Kaunseling	a) Mengenal dan memahami peribadi atau diri OYDS b) Pembangunan Modal Insan c) Muhasabah diri untuk berubah	Bimbingan: • Memahami diri dan mencari sumber diri yang menyumbang kepada permasalahan yang dihadapi • Penyerapan nilai-nilai Islam berpandukan al-Quran dan al-Sunnah	Pemulihan Pencegahan -Sebelum melakukan kesalahan atau jenayah
Khidmat Masyarakat	Pembersihan masjid/surau/taman reaksi/permainan/kawasan pantai	Penguasaan Kemahiran	Pemulihan Pengajaran -Memberi pengetahuan dan kemahiran kepada OYDS

Sumber: Penulis (2025)

Jadual 6 menunjukkan cadangan kaedah pemulihan yang komprehensif berasaskan Islam terhadap OYDS di Negeri Melaka, yang dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu Kelas Bimbingan, Kem Muhasabah, Kaunseling, dan Khidmat Masyarakat. Tumpuan utama bagi kategori pertama: Kelas Bimbingan ialah pengajian berjadual yang melibatkan subjek Fiqh Ibadah, Akhlak, Tauhid, dan al-Quran, yang bertujuan untuk meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan agama. Kategori kedua: Kem Muhasabah pula menekankan aktiviti seperti halaqah, solat fardhu berjemaah, tazkirah, qiyamulail, dan zikir bagi tujuan memantapkan perubahan diri dan pelaksanaan ibadah. Kategori ketiga: Kaunseling berperanan membantu OYDS mengenal dan memahami peribadi diri, bermuhasabah terhadap kesalahan yang dilakukan, serta membimbing mereka mencari punca permasalahan yang dihadapi. Akhir sekali, kategori keempat: Khidmat Masyarakat melibatkan aktiviti gotong-royong seperti pembersihan surau, masjid, taman permainan, dan kawasan rekreasi tanpa bayaran atau upah, bagi melahirkan rasa tanggungjawab dan kemahiran diri dalam kalangan OYDS. Secara keseluruhannya, kaedah ini bertujuan membersihkan dan mengukuhkan jiwa OYDS agar diredhai Allah SWT serta membantu memulih dan mencegah mereka daripada mengulangi kesalahan yang sama.

Selain itu, sejajar dengan perkembangan pesat teknologi masa kini, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memainkan peranan yang amat penting dalam pelaksanaan sesuatu program, terutamanya program yang berteraskan nilai-nilai Islam. Oleh itu, kaedah pemulihan yang komprehensif dalam Islam terhadap OYDS seperti yang dicadangkan sebelum ini juga boleh dilaksanakan melalui pendekatan yang inovatif dan relevan dengan penggunaan platform digital seperti laman web, aplikasi mudah alih dan media sosial. Pendekatan ini membolehkan kaedah pemulihan disampaikan dengan lebih meluas, mudah diakses serta cepat. Sehubungan itu, dicadangkan agar kaedah pemulihan ini diterapkan dalam sistem elektronik atau digital dengan membangunkan laman web e-Pemulihan, video interaktif, dan podcast pendidikan, bagi memudahkan

OYDS memperoleh maklumat dan pendedahan berkaitan pemulihan pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Walaupun pendekatan teknologi digunakan, matlamat utama pemulihan — iaitu pembentukan sahsiah, pengukuhan iman dan pembersihan jiwa — mestilah sentiasa dijaga dan diberi perhatian, agar keberkesanan dan roh Islam dalam proses pemulihan tersebut tidak terhakis.

KESIMPULAN

Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dalam Islam bertujuan utama untuk menyeru masyarakat ke arah kebaikan dan mencegah berlakunya kemungkaran. Selain itu, kaedah pemulihan secara komprehensif hendaklah menggunakan pendekatan primer yang merangkumi kaedah pemulihan pesalah sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran sebagai garis panduan menyeluruh untuk diguna pakai oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM. Antara kaedah pemulihan yang paling utama dan amat ditekankan dalam al-Quran ialah *taubat* — yang dinyatakan melalui istilah *tāba* dan *aṣḥaḥa* — sebagaimana disebut dalam al-Quran.

فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahan: Maka sesiapa yang bertaubat sesudah dia melakukan kejahatan (curi) itu dan memperbaiki amal usahanya, sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Maaidah, 5: 39

Di samping itu, metode pemulihan seperti pendidikan Islam, kaunseling dan lain-lain lagi merupakan metode sekunder bagi rawatan yang sesuai untuk membantu mereka membina jati diri agar tidak terpesong atau mengulangi kesalahan yang sama. Oleh yang demikian, tanpa penguatkuasaan undang-undang syariah dan pelaksanaan pemulihan terhadap pesalah serta OYDS, mereka berisiko tidak mendapat pendedahan mengenai kesalahan yang dilakukan, yang akhirnya boleh mengubah corak kehidupan seorang Muslim yang sebenar dan bertamadun kepada corak kehidupan yang merosakkan. Adalah tidak wajar untuk membiarkan mereka terus hanyut dan menular dengan perbuatan yang menyalahi landasan syarak. Maka, kaedah pemulihan melalui *tazkiyah al-nafs* atau pembersihan jiwa merupakan salah satu pendekatan untuk mengembalikan mereka kepada fitrah asal yang selaras dengan ajaran agama, sekali gus membawa kepada kejayaan dan kebahagiaan di dunia serta akhirat.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Shah Alam atas kesudian menerbitkan artikel ini serta segala sokongan yang diberikan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang kepentingan persaingan sama ada berbentuk kewangan atau perhubungan peribadi, yang berkaitan dengan penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Mohd Arif Ariffin Abu Bakar telah merangka dan menulis keseluruhan artikel kajian ini. manakala Azhar Abdul Aziz dan Rafeah Saidon telah memberikan maklumat, input dan membantu penulis dalam penulisan artikel ini.

RUJUKAN

Aisyah, F., Nurdin, N., & Nadliroh, T. A. (2022). Taubat sebagai penggugur had terhadap pelaku tindak pidana pencurian (jarimah sirqah) perspektif Imam Al Nawawi. *Jatiswara*, 37(1), 78-92.

- Al-Maraghi, A. M. (1946). *Tafsir al-Maraghi, Juz. 1*. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba 'ah Mustafa al-Halabi.
- Al-Najati, M.U. (2005). *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Naf*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar al-Qurthubi (2006), *Tafsir al-Qurthubi* al-Jami' Li Ahkami al-Quran wa al-Mubayyin Lima Tadhmanahu Mina al-Sunnah wa Ayi al-Furqan, Cetakan Pertama, Beirut, Labenon: al-Resalah Publisher (Mu'assasah al-Risalah).
- Arifin, S. N. A. M., & Hamjah, S. H. (2017). Aplikasi tazkiyah al-nafs menerusi mujahadah al-nafs dalam kaunseling. *Fikiran Masyarakat*, 5(2), 57-61.
- Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N. (2018). Peran maqasid syariah dalam memelihara kedudukan agama Islam di Malaysia. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies*, 2(1), 35-46.
- Aerisuli Binti Awang (2011), *Penghayatan Ibadah Dan Kesannyaterhadap Hubungan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*, Tesis Ijazah Sarjana Bahagian II (Secara Berkursus Dan Disertasi) Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Alnida Azty, Fitriah, Lufita Sari Sitorus, Muhammad Sidik, Muhammad Arizki, Mohd. Najmi Adlani Siregar, Nur Aisyah Siregar, Rahayu Budianti, Sodri & Ira Suryani (2018), Hubungan antara Aqidah dan Akhlak dalam Islam, *Journal of Education, Humaniora and Social Sciences (JEHSS)*, (Vol. 1, No. 2 (Disember, 2018): Mahesa Research Center.
- Erwan (2020), *Had qadzaf dengan penggunaan lafaz perspektif empat mazhab*. Tesis Sarjana. Riau: Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim.
- Fathuddin, M. H. (2016). Konsep tazkiyatun nafs menurut Ibnu Qoyyim Al Jauziyah dalam Kitab Madarijus Shalikin serta implikasinya terhadap pendidikan. *Tadbir Muwahhid*, 5(2).
- Hashim, H., Ismail, W. A. F.W., Mamat, Z., Baharuddin, A. S., Mutalib, L.A., & Jusof, N. (2021). Salah faham terhadap konsep hukuman keseksaan dalam perundangan jenayah syariah di Malaysia: Suatu penjelasan daripada perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*.
- Hawwa, S. (1995). *Mensucikan jiwa, konsep tazkiyatun-nafs terpadu. Intisari ihya' 'ulumuddin Al-Ghazali*. Indonesia: Robbani Press.
- Ibakarim, M. A. H., & Muhamad, N. H. N. (2017). Kesalahan Lelaki Berlagak seperti Perempuan: Keberkesanan Undang-undang Jenayah Syariah di Johor. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 29(1), 143-159.
- Ibrahim, N. (2003). *Hukuman dan pemulihan pesalah juvenil di Malaysia: satu analisis daripada perspektif Islam*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jabatan Agama Islam Melaka (2024b). *Laporan program unit pencegahan*. Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka.
- Jabatan Agama Islam Melaka (2024c). *Senarai daftar pesalah syariah Negeri Melaka*. Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka
- Jabatan Agama Islam Melaka (2024a). *Statistik kes kesalahan syariah di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991*. Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka .
- Jamal, J., & Hashim, H. (2017). Transformasi bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Penilaian semula terhadap hukuman takzir. *Kanun: Jurnal Undang-Undang*, 26(1), 38-71.
- Jannata, J. (2019). *Status Kesaksian Seorang Pelaku Qazaf Menurut Pendapat Imam Abu Hanifah*. Tesis Sarjana. Indonesia: Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.

- Katsir, I. (2003). *Tafsir Ibnu Katsir*. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Manzur, I. (1990). *Lisan al'Arab*. Beirut: Dar al Sadir.
- Muhammad Abdul Azdhim Al-Zurqani (1995), Manahil al-'Irfan Fi 'Ulumu al-Quran, (cetakan pertama), Jil.1 &2, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Muhammad Nashiruddin Al Albani (2004), Shahih Sunan Nasa'i (Cet.Pertama), Ahmad Yoswaji, (terj.), Indonesia: Pustaka Azzam:Penerbit Buku Islam Rahmatan.
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa (2010), Al Miftah, Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris (cetakan ke-4), Negeri Sembilan: Al-Azhar Media.
- Marsaid, H. (2020). *Al-fiqh al-jinayah (hukum pidana islam) memahami tindak pidana dalam hukum Islam*. Palembang: Rafah Press.
- Mohamad, A. D., Hamjah, S. H., & Mokhtar, A. I. (2017). Konsep tazkiyah al-nafs menurut al-Harith bin Asad al-Muhasibi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 115-125.
- Muhajirin, M. (2019). Al-Gharâmah Al-Mâliyah: Studi Kasus Penerapan Denda Pada Kasus Penundaan Pembayaran Akad Utang Piutang. *Al-Mashlahah: Jurnal Hukum Islam dan Pranata Sosial Islam* 7(02), 235-256.
- Muhammad, D. (2015). Falsafah pentadbiran keadilan jenayah syariah: Satu penghayatan semula. *KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 27.
- Muslim. (1995). *Terjemahan Hadis Shahih Muslim oleh Ma'mur Daud*. Selangor: Klang Book Centre.
- Mutholingah, S., & Zain, B. (2021). Metode penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs) dan implikasinya bagi pendidikan agama islam. *TA'LIMUNA: Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 69-83.
- Nawawi, I (2008). *Riyadhus Sholihin*. Riyadh: Maktaba Dar-us-Salam.
- Noordin, Z. N., & Rahman, Z. A. (2017). Perbandingan proses tazkiyah al-nafs menurut Imam Al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Al-Turath Journal of Al-Quran And Al-Sunnah*, 2(1), 37-46.
- Oktoberrinsyah, O. (2011). Tujuan pemidanaan dalam Islam. *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia*. 1 (1)
- Rahman, N. B. A., & Badaruddin, F. B. H. (2017). Pembinaan modul kerohanian model Al-Muhasibi (MKAM) dalam merawat al-nafs di pusat pemulihan akhlak. *Fikiran Masyarakat*, 5(2), 99-106.
- Sabiq, S. (1999). *Fiqh Al-Sunnah*. Kaherah: Dar al-Fathu Lil i'laami al-'Arabi.
- Sayyid Qutb (2003) *Tafsir Fi Zilalil Quran* (Edisi ke-32), Kaherah: Dar al Syuruq
- Said, M. H. M., & Zainol, Z. A. (2021). Kesan hukuman sebat terhadap pesalah jenayah syariah di Aceh. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 43.
- Samuri, M. A. A. (2012). Teori pencegahan sebagai justifikasi hukuman: Analisis perbandingan antara perundangan sivil dan Islam. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 34.
- Sulong, J. (2016). Pemeliharaan akidah Islam: Analisis daripada sudut penguatkuasaan undang-undang dan fatwa di Pulau Pinang, *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 18.
- Suryantoro, D. D., & Rofiq, A. (2021). Hudud syar'iyah hadd kharm dan minuman memabukkan perspektif hukum Islam. *At-Turost: Journal of Islamic Studies*, 8(1), 130-144.
- Usup, J. (2016). Peradilan Islam pada masa Khulafa Al-Rasyidin. *Jurnal Ilmiah, Al-Syir'ah* 8, 1.
- Wulan, Intan Retno. (2018). Analisis hukum pidana Islam terhadap uqubah pemerkosaan dalam Qanun

Aceh No. 6 Tahun 2014 tentang hukum jinayat. Tesis Sarjana. Indonesia: Universiti Islam Negeri Walisongo Semarang.

Yusof, M. F. (2015). Maqasid Syariah dalam pelaksanaan hukuman hudud ke atas pesalah zina. In F. M. Yusof (Ed.), *Maqasid Syariah & Sains*. UTM Press.

Zaini, N. A., & Sa'ari, C. Z. (2016). Terapi spiritual melalui kaedah tazkiyah al-nafs oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili dalam Kitab Penawar Bagi Hati. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18, 35-72.

Senarai Statut

Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).